

UCAPAN
Y.B DATO' SERI MOHAMED KHALED NORDIN
MENTERI PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA
MAJLIS PERASMIAN
UTM- INDUSTRY PASIR GUDANG *COMMUNITY ENGAGEMENT*
(UTM-IPGCE)
PADANG AWAM MASAI, JALAN SEKOLAH
9 MAC 2013 (SABTU), 10.00 PAGI.

"UNIVERSITI MENTRANSFORMASIKAN KOMUNITI"

Assalamualaikum, Selamat Pagi dan Salam 1Malaysia,

Yang Berbahagia Prof. Dato' Seri Ir. Dr. Zaini Bin Ujang,
Naib Canselor Universiti Teknologi Malaysia

Wakil Johor Port Berhad

Wakil Penduduk Kampung Sepakat

Tuan-tuan, puan-puan serta hadirin yang dihormati sekalian

Assalamualaikum, Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia

1. Pertamanya, sukalah saya melafazkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, maka dapatlah kita bersama-sama berkumpul dalam Majlis Perasmian UTM-Industry Pasir Gudang Community Engagement (UTM-IPGCE) yang berbahagia ini. Di kesempatan ini juga, saya ingin mengalu-alukan kehadiran semua pihak ke majlis ini dan berharap ia dapat memperkukuhkan lagi ikatan silaturrahim sesama kita, Insya Allah.

2. Saya juga ingin merakamkan setinggi penghargaan dan tahniah atas inisiatif yang telah diambil oleh Universiti Teknologi Malaysia (UTM) kerana menganjurkan program ini dan saya percaya ia adalah satu lagi usaha murni dan tanggungjawab korporat sosial mereka untuk memupuk dan melahirkan nilai dan budaya terpuji seperti kesukarelawanan di kalangan mahasiswa, staf, dan komuniti. Harapan saya agar penganjuran program seperti ini mampu merangsang budaya kesukarelawanan seterusnya melahirkan generasi muda dan belia yang berilmu dan cemerlang dalam aspek sahsiah, sosial, dan kerohanian serta berkemampuan untuk menyumbang kepada pembangunan, kemajuan dan transformasi negara.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

(PEMBANGUNAN NEGARA DAN KEADILAN SOSIAL)

3. Dalam usaha kita memenuhi hasrat Malaysia menjadi sebuah negara maju berpendapatan tinggi, kita perlu memastikan setiap di kalangan rakyat kita dapat merasai nikmat pembangunan dan diberi peluang bersama-sama menjayakan proses pembangunan negara tersebut. Dalam konteks ini, keadilan sosial rakyat perlu terbela, dalam erti kata lain, mereka tidak ketinggalan dalam arus pembangunan dan perkembangan teknologi semasa di samping berpeluang ditambah keupayaan sama ada menguasai ilmu dan

kemahiran untuk menjadi modal insan yang benar-benar berupaya menyumbang kepada kesejahteraan negara.

4. Pendek kata, pendidikan adalah kunci dan asas bagi mencapai keadilan social. Sehubungan dengan itu, kerajaan khususnya melalui Kementerian Pengajian Tinggi telah mengadakan pelbagai inisiatif bagi memastikan setiap di kalangan rakyat dalam negara mendapat hak berpendidikan tanpa halangan. Ini termasuk baru-baru ini memperkenalkan Program Destini Anak India Malaysia dan Destini Orang Asli ke universiti dan politeknik yang bertujuan memperjuangkan pendemokrasian pendidikan bagi mengubah nasib dan masa depan kumpulan masyarakat ini. Kini, peranan universiti bukan lagi memberikan pendidikan semata-mata tetapi membuka peluang dan mengubah nasib dan destini rakyat Malaysia khususnya mereka yang perlu dibantu.

Tuan-tuan, puan-puan,

(UNIVERSITI MENTRANSFORMASIKAN KOMUNITI)

5. Selari dan seiring dengan hasrat memperjuangkan keadilan sosial dalam negara, kewujudan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dalam pembangunan negara kini tidak boleh lagi dilihat sebagai tempat mencipta dan menerokai ilmu melalui proses pembelajaran dan pengajaran serta penyelidikan dan inovasi semata-mata, sebaliknya melangkah luas memperkasakan peranan

ketiganya iaitu perkhidmatan untuk masyarakat atau komuniti. Dalam Amanat Tahun 2013 pada bulan Januari yang lalu, saya pernah menegaskan bahawa universiti perlu keluar daripada konsep Menara Gading dan memberi fokus kepada proses pemindahan ilmu dan program libat sama yang akan dapat mentransformasikan komuniti. Dalam hal ini juga, kementerian telah meminta setiap IPTA mewujudkan Pusat Transformasi Komuniti Universiti atau **University Community Transformation Centre (UCTCs)** berasaskan nic masing-masing dengan menggerakkan sumber intelektual dan infrastruktur fizikal universiti untuk mentransformasikan komuniti.

6. Sehubungan dengan itu, Kementerian Pengajian Tinggi mengalu-alukan usaha UTM menganjurkan **UTM- INDUSTRY PASIR GUDANG COMMUNITY ENGAGEMENT (UTM-IPGCE)** ini yang dilihat mampu menjadi mekanisme yang berkesan dalam menterjemahkan aspirasi menjadikan IPT atau universiti sentiasa relevan dengan pembangunan komuniti. komuniti. **Melalui program seumpama ini, ia akan memperkukuhkan lagi komuniti melalui kemahiran dari pelbagai aspek yang ditawarkan oleh warga universiti.** Saya difahamkan bahawa program ini telah pun berlangsung selama empat hari sejak 7 Mac yang lalu. Saya percaya masyarakat setempat telah menerima banyak manfaat dengan kehadiran pihak UTM di kawasan ini. Terima kasih sekali lagi kepada UTM kerana telah memilih Kg. Sepakat, Pasir Gudang sebagai lokasi untuk melaksanakan program khidmat komuniti pada kali ini.

7. Pada masa yang sama, kementerian melihat program libat sama komuniti ini turut memperkasakan lagi semangat kesukarelawanan yang sememangnya amat ditekankan sebagai satu nilai utama yang perlu dipupuk oleh generasi muda. Ia juga membantu mencapai matlamat membangunkan kemahiran insaniah pelajar dan nilai-nilai positif seperti kepimpinan, kesukarelawanan dan kewarganegaraan di samping kemampuan mengemukakan idea-idea kreatif. Saya percaya, inilah wadah terbaik bagi mahasiswa di universiti menumpahkan rasa peduli, sayang dan cintakan kepada negara melalui aktiviti kesukarelawanan dan kebajikan seperti yang kita lihat pada hari ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

(IMPAK PROGRAM LIBAT SAMA UNIVERSITI DAN KOMUNITI)

8. Saban tahun, kita melihat pelbagai program libat sama antara universiti dan komuniti dilaksanakan di seluruh negara. Bagi menjayakan program ini, pasti banyak faktor diambil kira sama ada keperluan kewangan, perancangan, dan tenaga penggeraknya. Dalam hal ini, **Kementerian mahu menilai setiap program jalinan atau libatsama komuniti berupaya memberi impak dan mempunyai nilai keberhasilan yang tinggi dalam mentransformasikan komuniti.** Oleh itu, penilaian perlu dibuat ke atas setiap program jalinan atau libatsama komuniti tersebut.

9. Sehubungan dengan itu, saya berharap program ini akan turut dapat dilihat akan keberkesanannya. **Apa yang penting, ia perlu memberi nilai tambah kepada masyarakat dan oleh itu, ia dapat menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh masyarakat, memberi pengetahuan baharu serta masyarakat merasai kehadiran universiti dan warganya sebagai sebahagian daripada komuniti.** Saya percaya, program murni ini akan dapat diteruskan pada masa akan datang jika semua aspek diambil kira dan diberikan perhatian yang sewajarnya.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

(PENUTUP)

10. Kewujudan universiti dan komuniti umpama aur dan tebing, tidak boleh dipisahkan. Saya percaya, hanya melalui program libatsama seumpama ini, jalinan erat antara universiti dan komuniti akan dapat diperkukuh dan dipertahankan demi kebaikan kita bersama. Justeru itu, setinggi-tinggi penghargaan saya ucapkan kepada pihak Universiti Teknologi Malaysia (UTM) yang sanggup meluangkan masa dan tenaga untuk berkongsi ilmu dan bergotong-royong dengan penduduk Kampung Sepakat. Saya yakin dengan pengisian pelbagai aktiviti di sepanjang program ini berlangsung telah memberi impak kepada diri setiap individu yang terlibat. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada semua penduduk Kampung Sepakat, SK Masai, Sekolah Jenis Kebangsaan (T) Masai, Sekolah Jenis Kebangsaan (C)

Masai, dan semua pihak yang terlibat kerana memberikan kerjasama yang padu bagi menjayakan program ini. Semoga usaha murni akan dapat diteruskan pada masa akan datang. *In Shaa Allah.*

11. Akhir sekali, dengan lafaz *Bismillahirrahmanirrahim* saya dengan ini merasmikan Program UTM- Industry Pasir Gudang Community Engagement (UTM-IPGCE). *Wabillahi Taufik Walhidayah Wasalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*